

R.A.F.T dan Think-Tac-Toe dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Hairani Sani

hairani_sani@moe.edu.sg

Ibrizi Ishak

ibrizi_ishak@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodlands

Abstrak

Tugasan penulisan yang berdasarkan karangan bergambar pasti dapat dijangka oleh murid. Hal ini boleh menimbulkan rasa bosan dalam kalangan mereka. Penulisan mereka juga sering terbatas dalam penulisan yang berformatkan peperiksaan. Selain itu, kepelbagaiannya dalam teknik pengajaran dan penilaian juga tidak merangsang murid untuk menulis dengan kreatif. Kajian ini bertujuan untuk menarik minat murid menulis melalui pengajaran pembezaan yang berkesan dan menyeluruh. Murid-murid mempunyai cara belajar yang berbeza. Oleh itu, kajian ini juga bertujuan meningkatkan pemahaman murid dalam pembelajaran melalui kaedah *Think-Tac-Toe*. RAFT memberi peluang kepada murid meletakkan diri mereka dalam peranan tertentu untuk menulis dengan lebih teratur. Kedua-dua kaedah ini dilakarkan dengan pengajaran pembezaan bagi membantu murid mempelajari sesuatu dengan mengikut tahap kesediaan dan keupayaan masing-masing. Kajian ini melibatkan murid dari semua peringkat. Dapatkan kajian menunjukkan murid lebih tertarik dan bersedia untuk mempelajari Bahasa Melayu. Murid terangsang untuk melakukan aktiviti yang disediakan dan dapat memahami pengajaran dengan lebih menyeluruh.

Kata Kunci: R.A.F.T. *Think-tac-toe*, pengajaran pembezaan, kreatif

PENGENALAN

Pengajaran pembezaan ialah pendekatan yang telah luas dilaksanakan di kelas kerana keberkesanannya. Dengan menggunakan pendekatan pengajaran pembezaan, guru mengharapkan pengajaran lebih bermakna, menarik dan lebih difahami murid-murid. Pembezaan dalam pengajaran penting agar setiap murid dapat belajar dengan lebih berkesan. Dua kaedah yang dicuba ialah *Think-Tac-Toe* dan *RAFT* yang bermakna Peranan (*Role*), Audien (*Audience*), Format (*Format*) dan Topik (*Topic*). Kedua-duanya dapat digunakan dalam bilik darjah dengan menyesuaikan pengajaran mengikut topik-topik di dalam buku teks Mekar.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menekankan pentingnya guru menjalankan pengajaran pembezaan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang mempunyai latar belakang, keupayaan dan kesediaan yang berbeza.
2. membantu guru lebih yakin dan tahu cara melaksanakan pengajaran pembezaan;
3. meneliti keberkesanannya kaedah *Think-Tac-Toe* dalam pembelajaran murid; dan
4. meningkatkan penulisan murid dengan menggunakan kaedah *RAFT*.

PERNYATAAN MASALAH

Penulisan sering menjadi satu cabaran bagi murid. Murid-murid secara umum kurang berminat dalam penulisan kerana mereka dapat jangkakan bentuk penulisan yang perlu ditulis, iaitu penulisan berpandukan gambar. Murid-murid kurang didedahkan kepada penulisan kreatif oleh kekangan yang dinyatakan lebih awal. Selain itu, murid mudah bosan dengan kertas latihan yang guru berikan kerana terlalu banyak komponen yang perlu diselesaikan. Tahap kesediaan murid pula kurang diambil kira apabila guru memberi latihan kepada murid-murid. Oleh itu, dengan pendekatan pengajaran pembezaan,



diharapkan murid dapat menggarap pengetahuan, menyelesaikan latihan mengikut kesediaan mereka dan memilih sendiri latihan yang mereka mahu lakukan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Carol-Ann Tomlinson (2016) *Think-Tac-Toe* ialah kaedah yang mudah untuk memberikan murid-murid cara alternatif dalam meneroka dan meluahkan idea-idea penting dan menggunakan kemahiran tertentu.

Santa (1988) menyatakan kaedah R.A.F.T memberikan murid cara yang baharu bagaimana murid memikirkan cara menulis. Strategi ini seimbang dengan cara penulisan karangan yang sering diajarkan kepada murid dan juga yang sangat kreatif. R.A.F.T menggabungkan kedua-dua cara penulisan murid. R.A.F.T juga membantu murid memahami idea utama, mengukuhkan organisasi karangan, dan memberi penerangan lanjut dan kesinambungan isi.

KEADAH KAJIAN

Kajian ini memberikan tumpuan pada pengumpulan data yang berupa maklum balas murid. Selain itu, hasil pemerhatian guru turut dijadikan data diperoleh kajian. Memandangkan kajian ini dilakukan bagi setiap murid, pemerhatian guru dan temu bual diberikan penekanan untuk mendapatkan data. Waktu *Professional Development*, iaitu pembangunan profesional diperuntukkan bagi guru untuk merancang pengajaran dan meneliti bahan pengajaran. Selepas pengajaran dilakukan, guru akan memberi maklum balas dan menganalisis data yang dikumpulkan.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada semua murid yang mempelajari bahasa Melayu dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Lapan orang guru bahasa Melayu terlibat dalam kajian ini. Lapan orang guru menjalankan kaedah *Think-Tac-Toe* dalam penggal 1 dan 2 sementara dalam penggal 3 dan 4, semua guru menggunakan kaedah R.A.F.T dalam pengajaran mereka.

Instrumen Kajian

Strategi *Think-Tac-Toe* dan R.A.F.T ini digunakan sebagai instrumen kajian. Guru mendapatkan maklum balas murid dengan membuat tinjauan yang melibatkan murid memberi pendapat mereka tentang kaedah yang digunakan oleh guru.

Prosedur Kajian

Sebelum kaedah ini dijalankan di dalam kelas, guru diberikan latihan tentang cara-cara menggunakaninya. Guru-guru diberikan bimbingan secara amali dan diberikan contoh-contoh untuk menyusun soalan dalam grid 3×3 seperti permainan *tic-tac-toe*.

Semasa merancang pengajaran, guru perlu menentukan jenis soalan yang ingin diajukan. Dengan menggunakan kaedah ini, murid perlu menjawab hanya tiga soalan. Guru perlu menyusun soalan agar murid perlu menjawab soalan pelbagai kepayahan. Bagi murid melebihi aras keupayaan, guru boleh menambah grid daripada 3×3 kepada 4×4 . Guru juga boleh menurunkan tahap kepayahan soalan dengan menurunkan jumlah grid kepada 2×2 .

Contoh soalan grid 3×3 di bawah ini merupakan soalan kefahaman bagi peringkat Darjah 6. Berdasarkan petikan kefahaman yang diberikan, murid diberikan soalan-soalan grid ini. Terdapat beberapa soalan yang memerlukan murid melukis dan ada juga yang memerlukan murid memberikan kosa kata atau makna perkataan. Guru juga boleh menetapkan syarat bagi soalan yang mesti dijawab. Guru perlu menyusun grid yang mana, murid perlu menjawab soalan wajib itu walaupun arah garisan mana yang murid pilih. Biasanya soalan wajib itu diletakkan di kotak tengah. Guru boleh memberi arahan supaya murid harus melewati kotak tengah untuk menyelesaikan tugasannya. Murid boleh memilih soalan kolumn tengah dari atas ke bawah, kanan ke kiri atau menyendeng tetapi harus melewati kotak tengah. Soalan yang wajib itu sebaik-baiknya soalan yang guru harapkan semua murid boleh menjawabnya. Guru perlu peka bahawa soalan yang diisikan di dalam petak hanyalah untuk menguji pemahaman murid lantaran ada soalan yang memerlukan murid melukis sebahagian daripada petikan dan memberikan kosa kata. Soalan-



soalan kefahaman yang sempurna boleh diberikan dalam format yang biasa apabila murid sudah memahami sepenuhnya petikan yang dibaca. Contoh soalan seperti dalam Jadual 1.

Apakah masalah yang Sheela hadapi?	Terangkan keadaan yang Sheela lihat semasa dia berdiri di belakang tembok.	Cuba teka makna dicabut .
Lukiskan gambar yang menggambarkan perenggan 3 dalam petikan.	Berikan dua bukti yang jiran-jiran Sheela juga mempunyai masalah yang sama seperti Sheela.	Cuba teka makna disimbah .
Sheela bersifat berani. Berikan 2 bukti bagi menyokong kenyataan ini.	Cuba teka makna jenayah .	Lukiskan gambar kejadian yang berlaku dalam perenggan 5.

Seperti yang telah disebut, RAFT adalah singkatan bagi Peranan, Audien, Format dan Topik. Peranan bermaksud, peranan murid sebagai penulis, contohnya, murid menjadi Leftenan Adnan ataupun Si Tanggang, lantas menulis dari sudut pandangan Leftenan Adnan atau Si Tanggang. Audien atau pembaca pula ialah penerima hasil tulisan murid itu. Misalnya, Leftenan Adnan sempat menulis surat kepada kawannya di kampung sebelum pergi berperang, justeru audiensnya ialah kawannya. Kemudian, formatnya boleh dalam bentuk penulisan surat, dialog ataupun guru juga boleh meminta murid berlakon. Guru perlu menetapkan topik atau tajuk yang ingin dihasilkan oleh murid.

Guru boleh memulakan pelajaran dengan menayangkan video atau mana-mana bahan rangsangan yang boleh dijadikan topik perbincangan. Guru dan murid berbincang tentang bahan rangsangan yang ditunjukkan dan kemudian membincangkan topik pembelajaran. Setelah perbincangan dijalankan, guru memberikan murid peranan yang mereka ingin pegang, audiensnya dan juga format tugas berdasarkan topik yang telah dibincangkan. Sebagai contoh, murid Darjah 4 diberikan tugas contohnya ‘Bayangkan kamu Leftenan Adnan. Tuliskan surat kepada rakan kamu di kampung tentang pertempuran yang kamu hadapi.

Melalui topik soalan yang diberikan, murid diberikan peranan sebagai Leftenan Adnan, audiensnya ialah rakan sekampung, formatnya ialah surat dan topiknya ialah tentang pertempuran yang telah berlaku. Justeru, murid harus menulis mengikut RAFT yang telah diberikan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan, berdasarkan pemerhatian guru terhadap respons dan pelibatan murid dalam kelas serta tugasan yang dihasilkan oleh murid menunjukkan kesan yang menggalakkan. Murid lebih terangsang dan memahami cara menjawab soalan-soalan yang diberikan.

Murid juga menunjukkan sikap yang positif menggunakan kaedah *Think-Tac-Toe* dan RAFT dalam pembelajaran. Hasil pemerhatian ini menunjukkan bahawa strategi ini membawa kesan yang amat baik. Murid memberikan maklum balas yang positif pada kedua-dua kaedah tersebut. Murid yang lemah juga dapat belajar mengikut tahap keupayaan mereka.

Refleksi murid juga didapati amat memberangsangkan. Rata-rata murid berasa seronok melihat hasil kerja mereka dimuat naik ke dalam blog dan dapat membaca penulisan rakan yang lain. Dengan berkongsi hasil kerja mereka, murid dapat melihat contohan hasil kerja yang lebih baik dan boleh menjadi panduan kepada mereka.

Guru juga berpendapat kaedah *Think-Tac-Toe* telah membina keyakinan murid untuk menjawab soalan kefahaman kerana mereka diberikan pilihan untuk menjawab soalan. Soalan yang dilakarkan dalam permainan *Think-Tac-Toe* juga pelbagai dari aspek tahap kepayahannya supaya semua murid yakin menjawabnya.

Selepas menjalankan kaedah RAFT, guru mendapati bahawa penulisan murid lebih kreatif dan murid menulis secara sedar akan kehendak situasi yang dibentangkan kepada mereka. Daripada hasil kerja murid, guru mendapati bahawa kebanyakan murid menulis dengan lebih memahami proses penulisan dan lebih fokus.



KESIMPULAN

Kaedah *Think-Tac-Toe* dan *RAFT* jelas memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran murid dan pada masa yang sama menimbulkan keseronokan. Dengan melaksanakan kedua-dua kaedah ini, keyakinan guru telah dapat ditingkatkan dan dapat menjalankan pengajaran pembezaan dengan lebih berkesan. Guru-guru lebih peka dengan profil murid, kesediaan dan cara pembelajaran mereka. Murid-murid pula lebih berminat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti di dalam kelas dan lebih yakin menjawab soalan-soalan yang lebih mencabar.

RUJUKAN

Tomlinsson, C. A, (2010). *Leading and Managing a Differentiated Classroom*, C.A & Imbeau, M.

Differentiated Instruction with Think-Tac-Toe <http://www.teachingwithsimplicity.com/2014/01/differentiated-instruction-with-think-tac-toe.html> dipetik pada 18 Januari 2016.

Using the Tic-Tac-Toe Strategy to Differentiate Instruction

<http://study.com/academy/lesson/using-the-tic-tac-toe-strategy-to-differentiate-instruction.html> dipetik pada 18 Januari 2016.

Classroom Strategies RAFT Writing <http://www.adlit.org/strategies/19783/> dipetik pada 18 Januari 2016

The RAFTs Technique http://www.ride.ri.gov/Portals/0/Uploads/Documents/Instruction-and-Assessment-World-Class-Standards/Transition/EIA-CCSS/ScarpelliD-RAFT_toolbox.pdf dipetik pada 18 Januari 2016